

Headline	LINDUNGI POKOK HUTAN TERANCAM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nuansa	Circulation	112,705
Page No	46	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	545 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 21,470
Frequency	Daily	PR Value	RM 64,409



# LINDUNGI POKOK HUTAN TERANCAM

Projek pengayaan biodiversiti usaha cegah kepupusan spesies flora berharga

**Mohamad Hussin**  
mohamad\_hussin@hmetro.com.my

Tahap kesedaran awam dilihat semakin meningkat selain terdapat inisiatif yang lebih besar untuk mengetengahkan biodiversiti dalam perancangan peringkat negara dan negeri.

Oleh itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bersedia bekerjasama dengan sektor swasta dalam penanaman semula hutan dan projek pengayaan biodiversiti dalam usaha mencegah kepupusan spesies flora yang berharga.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, bagi melindungi aset negara dan warisan semula jadi, pihaknya mengalu-alukan kerjasama dengan organisasi yang mempunyai matlamat sama dalam memastikan pemuliharaan dan keamanan hutan serta kekayaan biodiversiti.

"FRIM menerajui usaha pemuliharaan tumbuhan negara dan memainkan peranan penting dalam pemuliharaan kelip-kelip serta habitatnya di Kampung Kuantan, Selangor.

"FRIM juga menjadi pusat rujukan untuk dokumentasi biodiversiti Malaysia. Herbarium Kepong menempatkan 300,000 spesimen dengan lebih 770 spesimen tip dan berfungsi



SEBAHAGIAN pengurusan FRIM dan SDP selepas majlis projek 'Plant-A-Tree' di Ladang Jentar.

sebagai pusat rujukan negara.

"Selain itu, FRIM juga mengetahui beberapa projek floristik kebangsaan termasuk Tree Flora of Malaya (TFM), Tree Flora of Sabah dan Sarawak (TFSS) dan Flora of Peninsular Malaysia (FPM) untuk mendokumentasikan kekayaan biodiversiti flora negara," katanya ketika berucap sempena majlis projek 'Plant-A-Tree' di Ladang Jentar, Temerloh, Pahang, baru-baru ini. Teks ucapan beliau dibacakan Pengarah Biodiversiti Hutan FRIM, Dr Lillian Chua.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Urusan dan Ketua

Pegawai Operasi Huluan Sime Darby Plantation Bhd (SDP), Mohamad Helmy Othman Basha, Ahli Majlis Pentadbiran Yayasan Sime Darby, Caroline Christine Russell dan Timbalan Pengarah Jabatan Perhutanan Pahang, Datuk Samsu Anuar Nawawi.

Pada projek itu, SDP bekerjasama dengan FRIM untuk mengenal pasti dan menanam spesies tumbuhan hutan yang terancam serta jarang ditemui bagi tujuan pemuliharaan.

Dr Abd Latif berkata, pihaknya turut menjalankan penilaian status pemuliharaan terhadap spesies tumbuhan.

benih dari 20 spesies kaum Dipterocarpaceae untuk penanaman di tapak Bukit Pasir.

"Antaranya, enam spesies adalah amat terancam, empat terancam, lima terdedah kepada ancaman manakala satu jarang ditemui," katanya.

Menurutnya, FRIM dan SDP turut menjalankan kajian flora di Bukit Kiab manakala ahli zoologi FRIM menjalankan beberapa kajian pemantauan fauna di Bukit Angin, Bukit Kiab dan Bukit Pasir.

"Kami akan terus memainkan peranan penting dalam usaha pemuliharaan untuk mencegah kepupusan spesies. Kita perlu

mengelak penambahan spesies tumbuhan kepada senarai pupus yang kini merangkumi spesies meranti damar hitam (*Shorea kuantanensis*, Dipterocarpaceae) dan tumbuhan herba asam batu (*Begonia eiromischa*).

"Kampus FRIM di Kepong juga adalah tapak konservasi ex situ di mana 73 spesies terancam ditanam, antaranya, 66 adalah kaum Dipterocarpaceae.

"Usaha konservasi in situ (di tempat asal atau habitat asal) dan ex situ (di luar habitat asal) dijalankan dengan beberapa pihak yang berkepentingan dalam memulihara serta mencegah kepupusan spesies," katanya.

"Penilaian terhadap kaum Dipterocarpaceae (Dipterocarpaceae) pada 2010 menunjukkan 92 spesies di Semenanjung berada dalam kategori terancam.

"FRIM bekerjasama dengan SDP dalam pemuliharaan ex situ spesies pokok hutan yang terancam dan jarang ditemui di Ladang Jentar. Saya mengucapkan terima kasih kepada SDP atas usaha penubuhan, pengurusan, pemantauan dan penggunaan bukan komersial spesies tumbuhan hutan terancam dan jarang ditemui secara ex situ.

"Kami sudah menyumbang 188 anak



POKOK merawan kanching, salah satu spesies sangat terancam turut ditanam di Ladang Jentar.